



Home / 2024 / August /

UiTM Shah Alam Jalinkan Kerjasama Strategik Bersama TFM dan AKPK: Perkasakan Kepimpinan dan Literasi Kewangan Pelajar

GRU2025

26/08/2024 / Hasrol Jono



16 Ogos 2024 | *UiTM Shah Alam* – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam melalui Pusat Kokurikulum telah mencipta sejarah baharu dengan menjalin kerjasama strategik bersama Teach For Malaysia (TFM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang bersejarah ini diadakan di Aras 7, Ruang Legar, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM.

TFM diwakili oleh Encik Chan Soon Seng, Ketua Pengarah Eksekutif, manakala AKPK pula diwakili oleh Encik Azaddin Ngah Tasir, Ketua Pegawai Eksekutif. Pusat Kokurikulum UiTM Shah Alam diwakili oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Pengarah Pusat Kokurikulum UiTM.

UiTM Shah Alam Jalinkan Kerjasama Strategik Bersama TFM dan AKPK: Perkasakan Kepimpinan dan Literasi Kewangan Pelajar... Kerjasama strategik dengan TFM ini adalah langkah penting UiTM dalam memperkukuhkan ekuiti pendidikan di Malaysia. Melalui kerjasama ini, sukarelawan pelajar UiTM akan terlibat dalam program pembinaan kapasiti dan kesukarelawanan yang diusahakan oleh TFM. Inisiatif ini bertujuan untuk memupuk kepimpinan dalam kalangan pelajar serta meningkatkan kualiti pendidikan, sekaligus menyumbang ke arah masa depan yang lebih cerah dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.





Selain itu, kerjasama dengan AKPK pula adalah bertujuan untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan pelajar UiTM. Dengan melibatkan kursus kokurikulum bercredit, bengkel, dan ceramah yang dianjurkan oleh AKPK, pelajar akan didedahkan kepada kemahiran kewangan yang penting. Inisiatif ini akan membimbing pelajar UiTM dalam membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dan berkesan, memastikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kewangan pada masa hadapan.

Keseluruhannya, MoU ini bukan sahaja mencerminkan komitmen UiTM dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing, malah turut menekankan pentingnya literasi kewangan dan kepimpinan dalam kalangan pelajar. Kerjasama ini juga membuka peluang yang lebih luas untuk pelajar UiTM menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan yang bermanfaat dan program pembangunan yang menyeluruh.

Dengan adanya kerjasama strategik ini, UiTM terus memperkukuhkan peranannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang komited dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam aspek kepimpinan dan literasi kewangan.



Kerjasama ini juga diharap dapat menjadi contoh kepada institusi pendidikan tinggi lain dalam melaksanakan inisiatif yang memanfaatkan pelajar dan masyarakat secara keseluruhan. Ini adalah langkah yang seiring dengan visi UiTM untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan yang berkualiti dan bermakna.

Majlis Menandatangani MoU ini menandakan permulaan kepada lebih banyak peluang kerjasama antara UiTM, TFM, dan AKPK, yang pastinya akan membawa manfaat yang besar kepada pelajar UiTM dan masyarakat secara keseluruhan.

Penulis : Ku Hadzrill Jeffry bin Ku Hamzah, Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono

Penulis Bersama : Profesor Dr. Hj. Mohd. Sazili Shahibi, Hirman Bin Awang, Nor Azlin Rosli, Mohd Shukor Abd Rahman, Dr. Basharudin Abdul Hadi, Dr. Alwi Mohd Yunus

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit \(AKPK\)](#), [Badan Pengajian dan Latihan Pelajar \(BAPL\)](#), [Fasad Kokurikulum UiTM](#), [Teach For Malaysia \(TFM\)](#), [UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA \(UiTM\)](#)

[← Kembar UiTM Cawangan Pahang Berjaya dalam SUKSIS, Inspirasi Pelajar UiTM](#)

[FPA UiTM Kampus Jasin Unggul Dengan 32 Anugerah di WYSII 2024 →](#)

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

